

α711753

R
**KHARAJ: KONSEP DAN KEWAJARAN
PELAKSANAANNYA DI NEGERI TERENGGANU**

WAN AZMI BIN WAN AHMAD

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511791878

**KHARAJ: KONSEP DAN KEWAJARAN
PELAKSANAANNYA DI NEGERI TERENGGANU**

WAN AZMI BIN WAN AHMAD

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

KANDUNGAN

Prakata	v
Penghargaan	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
ملخص البحث	ix
Senarai Kependekan	x
Transliterasi	xi

PENDAHULUAN

Pendahuluan	1
Latarbelakang Masalah	3
Hipotesis	5
Pengertian Tajuk dan Rumusan Masalah	6
Penulisan Yang Terdahulu	8
Objektif Kajian	11
Metodologi Penyelidikan	11
Sumber Data	16
Susunan Penyelidikan	17

BAB PERTAMA: KONSEP KHARAJ DALAM ISLAM

1.1 Pendahuluan	20
1.2 Definisi Kharaj	21

1.3	Sejarah Pelaksanaan Kharaj	23
1.4	Objektif Pelaksanaan Kharaj dari Perspektif <i>Al-Maqāṣid</i>	32
1.5	Perbandingan Antara Kharaj dan Jizyah	36
1.6	Perbandingan Antara Kharaj dan ' <i>Usyr</i>	39
1.7	Kategori <i>Tājīhah</i> Menurut Syariah	42
1.7.1	Tanah ' <i>Usyr</i>	46
1.7.2	Tanah Kharaj	48
1.7.3	Tanah Kharaj Dalam Realiti Semasa	53
1.8	Jenis-Jenis Kharaj	54
1.9	Pertindihan Kewajipan Kharaj dan ' <i>Usyr</i>	57

BAB KEDUA: CADANGAN PELAKSANAAN KHARAJ DI NEGERI TERENGGANU

2.1	Pendahuluan	67
2.2	Terengganu: Sebuah Negeri Dalam Persekutuan Malaysia	68
2.3	Latar Geografi dan Demografi Terengganu	71
2.4	Pemilikan Tanah di Terengganu	73
2.5	Pertanian di Terengganu	75
2.6	Latar Belakang Agama di Negeri Terengganu	79
2.7	Peralihan Kuasa dan Cadangan Pelaksanaan Kharaj	81
2.8	Pandangan Masyarakat Bukan Islam	85
2.9	Prosedur Tanah Menurut Kanun Tanah Negara	89

**BAB KETIGA: KEWAJARAN PELAKSANAAN KHARAJ DI NEGERI
TERENGGANU**

3.1	Pendahuluan	92
3.2	Analisis Dari Perspektif Hukum dan Keutamaan Pelaksanaannya	93
3.3	Analisis Dari Perspektif Keperluan Setempat dan Semasa	97
3.4	Analisis Dari Perspektif Sejarah dan Sosio-Politik	102
3.5	Analisis Dari Perspektif Perundangan	105
3.6	Analisis Dari Perspektif Percukaian Malaysia	106
3.7	Analisis Dari Perspektif Pengurusan Kerajaan Terengganu	111
3.8	Kharaj ke atas Pertanian di atas Tanah Haram dan Tanah Mati	112

BAB KEEMPAT: PENUTUP

4.1	Pendahuluan	120
4.2	Rumusan	121
4.3	Cadangan	129

BIBLIOGRAFI	135
--------------------	-----

Prakata

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam ke atas Junjungan Rasulullah s.a.w.

Kajian ini akan cuba menangani persoalan kesesuaian pelaksanaan kharaj dalam konteks semasa negeri Terengganu. Walaupun berlaku kelewatan dalam menyiapkan kajian ini dan pertukaran kerajaan telahpun berlaku di Terengganu melalui pilihanraya yang kesebelas yang lalu, namun persoalan yang ingin dikupas melalui kajian ini masih dianggap relevan, justeru intipati kajian ini ialah bagaimanakah seharusnya kita menanggapi persoalan pelaksanaan syariah dalam konteks semasa.

Masyarakat perlu didehdahkan dengan bentuk perbahasan yang sihat dalam batasan epistemologi Islam agar kekangan pendekatan dogmatik dapat diharmonikan, khasnya mengenai perkara yang bersifat ijihad. Keluasan ufuk pemikiran akan mendorong masyarakat ke arah lebih memahami persoalan-persoalan agama secara lebih konseptual.

Walaupun tajuk kajian ini memberikan fokus kepada negeri Terengganu, namun analisis dan dapatan penulis sepanjang kajian ini boleh jua diadaptasikan dalam konteks lokaliti dan ruang masa yang lain, kerana antara yang paling dasar ialah kita perlu membina perspektif yang tepat terhadap persoalan-persoalan semasa yang berkaitan dengan agama dan syariat. Persoalan kharaj dan lain-lain lagi perlu dijawab melalui pendekatan yang kontemporari berpandukan kaedah-kaedah fiqh yang tuntas, konsistensi pertimbangan *fiqh al-awlawiyyat*, suratan dan siratan *fiqh al-nas* serta kebijaksanaan menilai *fiqh al-waqie'*.

Semoga usaha kecil ini diterima Allah sebagai amal yang soleh.

Wallahu al-Musta'an.

Wan Azmi bin Wan Ahmad,
Jerteh, Terengganu.

Penghargaan

Di atas doronganmu selama ini, dedikasi buat ayahanda (al-marhum) dan bonda yang dikasih; isteri tercinta, Nahariah; anak-anak, Hakim, Madihah, Ibtihal, Uswah, Haniff, Harith dan Ihtisyam.

Penghargaan setulusnya buat guru yang disanjungi, Profesor Madya Datin Dr. Paizah Hj Ismail. Tunjuk ajarmu sepanjang penyeliaan disertasi ini amat dihargai.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada individu-individu yang telah memberikan pelbagai sumbangan dalam usaha penulis menyiapkan disertasi ini. Sebagai mengabadikan budi baik mereka penulis sukacita merakamkan penghargaan kepada YM Dato' Dr Tengku Mahmood Mansor, Hj Shariff Mahat, Hj Mohamad Abu Bakar, Abdul Rahman Sulong, Nur Azwani (KTB); Amran dan Wan Nasir (PDS); Hj Yusof (WDI); Nor Arjuni (PTG); Kamaruddin (KUSZA); Sulaiman Ibrahim (UKM) dan Akhun Karim Sdr Suhaimi Yahya (Suruhanjaya Sekuriti).

Semoga Allah membala budi baik kalian. KepadaNya jua kita kembali.

Abstrak

Sebaik sahaja tanah Sawad di Iraq dan juga Mesir berjaya dikuasai melalui perperangan dan bakkannya secara perdamaian, Khalifah Umar Ibn al-Khattab telah mengambil langkah mengekalkan tanah tersebut kepada pemilik asalnya dan mengenakan cukai kharaj ke atas mereka, supaya hasil kutipan tersebut dapat digunakan untuk kepentingan umat Islam secara umum di setiap generasi dan masa. Produktiviti dari tanah kharaj ini terbukti memberikan sumbangan besar kepada negara dalam bentuk cukai yang dikuatkuasakan ke atas pengusaha tanah tersebut. Reformasi dalam aspek pengurusan harta tanah ini telah diterimakai oleh para pemerintah empayar Islam selepas beliau. Tulisan ini akan menjelaskan konsep sebenar kharaj sebagai suatu kaedah percukaian di zaman keemasan Islam yang silam, dan sejauhmanakah kewajaran pelaksanaannya dari perspektif keutamaan pelaksanaan syariah dalam sistem kenegaraan moden hari ini, khasnya di negeri Terengganu. Pelaksanaan kharaj ini perlu diasosiasikan dengan beberapa aspek dalam perundangan negara, justeru sebarang kecuaian ataupun kesilapan dalam pelaksanaannya hanya akan memberikan impak yang negatif kepada imej syariah yang sebenar.

Abstract

Soon after the Sawad land in Iraq and Egypt was successfully annexed through war, not through peace, the caliph Umar Ibn al-Khattab returned the land to the prior owners, but with a tax on agricultural produce (kharaj) levied on them. The revenue from the tax was used for the benefit of the muslim ummah. The income from this 'kharaj land' tax proved to be a huge contribution towards the economy of the country. This reformation of land management was continued by the next ruler of the Islamic empire. This work will attempt to clarify the real concept of kharaj as a method of taxation during the golden age of Islam, and how far it could be implemented in today's modern world, and especially in Terengganu. The implementation of kharaj needs to be associated with several aspects in the country's legislation. Any kind of misinterpretation would only give a negative impact to the real image of syariah.

ملخصة البحث

كان الخليفة عمر ابن الخطاب حينما فتح سواد العراق ومصر، حيث تم الاستيلاء عليها عنوة من غير صلح، يرى أن هذه الأرض تبقى بيد أهلها، ويوضع عليها إلخراج، لينفق منه في مصالح المسلمين عامة في كل جيل وزمان. والخروج المضروب على نتاج هذه الأرض الفسيحة قد مثل دخلاً كبيراً للدولة الإسلامية حينذاك. وما ابتكره عمر في سياسة هذه الأرض وحسن تدبيره لها قد استثنى الخلفاء الذين جاءوا من بعدم. فسوف يقوم هذا البحث بالقاء صورة أصلية عن الخراج كجزء من نظام الضرائب في الإسلام، ومدى صلاحته التطبيقية في وقتنا الحاضر، خصوصاً في ولاية تركمانو. وينطلق البحث على مدى مهم وهو الأولويات في تطبيق الشريعة مقارناً بالوضع الحالي لدولة مدنية. وإن يرى تنفيذه فعلى المسؤولين بولاية تركمانو أن يقورموا بالتنسيق لكي يتوافق والقوانين السائدة في البلاد. فـي تصصير أو خطأ ناتج عن سوء تنفيذه إنما يعكس أثره السيء على صورة الشريعة الإسلامية.

الصحيحة

KEPENDEKAN

Rekod Prosesan Bahan,

SEGERA / RED SPOT / AC /
BIAASA / HADIAH / **TESIS** /
AV / Mikroform

DBCN

Bil. Jilid

Tarikh diisi oleh staf BPPS

1. Diiterima diBPPS: 29/3/05
2. Dihantar ke BPPD. 1/4/05

CIP (LC)	
CIP (non-LC)	
Asal	

Tarikh diisi oleh staf BPPD

3. Siap disemak/sunting/input oleh PTPO/PP
4. Siap dikatalog oleh Pustakawan
5. Siap disemak oleh Ketua Pengkatalog
6. Dilabel
7. Diiinventori
8. Disemak semula
9. Dihantar ke BPP

Tarikh diisi oleh staf BPP

10. Dimaklumkan kepada pengguna
11. Dipamerkan
12. Dihantar ke rak terbuka / Red Spot
13. Slip dikembalikan kepada K. BPPD

KEPENDEKAN

SWT	:	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	:	SallaLlahu 'alaihi wa Sallam
r.a.	:	RadhiaLlahu 'anhu
H	:	Hijrah
M	:	Masehi (+543 = B.E)
Ibid.	:	Ibidem (untuk rujukan berturut)
Op.cit.	:	Opera Citation (untuk rujukan berselang)
Bil.	:	Bilangan
Jld.	:	Jilid
Juz.	:	Juzu'
cet.	:	Cetakan
h.	:	Halaman
t.t.	:	Tanpa tarikh

TRANSLITERASI

Huruf Arab Nama dan Transkripsi

ء	:	a, 'Hamzah
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ح	:	h
خ	:	kh
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sy
ص	:	ṣ
ض	:	ḍ
ط	:	ṭ
ظ	:	ẓ
ف	:	gh
ع	:	f
ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ة	:	h

Vokal Panjang

أ	:	ā
و	:	ū
ى	:	ī

Vokal Pendek

ـ	(fathah)	a
ـ	(dammah)	u
ـ	(kasrah)	i

Diftong

او	:	aw
ای	:	ay
ې	:	iy/i
ۇ	:	uww

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kharaj merupakan sebuahan dari sistem percukaian Islam dan menjadi satu daripada sumber kewangan Baitul Mal di samping zakat, *jizyah*, *ghanīmah* dan *fay'*. Kharaj diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb sejurus selepas tentera Islam berjaya menawan Baghdad, apabila beliau mengambil keputusan untuk tidak mengagihkan tanah Sawad (سُوَاد) di Iraq kepada tentera yang berperang sebagaimana biasa, tetapi tanah tersebut dijadikan milik negara dan pengurusannya diserahkan kepada *ahl al-ayyām* (أهْل الْأَيَّام). Sesiapa yang mengusahakan tanah tersebut dikenakan cukai yang dikenali sebagai kharaj berupa cukai ke atas hasil pertanian dari tanah tersebut.

Pelaksanaan kharaj ini membawa banyak kesan positif kepada rakyat dan negara. Ia dapat mengelakkan anggota tentera dan keturunan mereka memonopoli tanah Sawad yang sangat luas itu. Ia juga memberikan kebaikan kepada penduduk tempatan kerana walaupun mereka tidak memeluk Islam, mereka masih boleh mengusahakan pertanian di situ dan tidak kehilangan punca pendapatan.

Semasa kharaj mula diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, kaedah taksiran yang digunakan dikenali sebagai *kharāj al-wazīfah* (خراج الوظيفة) yang kemudiannya dikenali juga sebagai *kharāj al-masāḥah* (خراج المساحة). Semasa pemerintahan Khalifah ‘Uthman ibn al-‘Affān beliau telah memperkenalkan satu

jenis kharaj lagi yang dikenali sebagai *kharāj al-iltizām* (خراج الالتزام) ataupun *al-iqtā'* (الإقطاع) yang diuruskan oleh para pemilik tanah yang berkenaan.

Pembaharuan yang dirintis oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dan diikuti oleh dua orang Khulafa’ al-Rasyidin selepasnya, diteruskan serta dikemaskini pula oleh pemerintah-pemerintah Bani Umayyah khasnya al-Walīd dan ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz, di mana urusan pungutan cukai kharaj ini dilaksanakan oleh golongan *dahāqīn* (دھاقین) di bawah sēliaan gabenor wilayah. Perubahan-perubahan terus dilakukan terutamanya yang berkaitan dengan mekanisme untuk menentukan kadar kharaj yang akan dikenakan pada tahun taksiran. Sebagai contohnya, kadar kharaj ke atas tanah Sawad semasa pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin ialah sebanyak 120,000 dirham, manakala kadar kharaj semasa pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Malik ibn Marwān ialah sebanyak 188,000 dirham.

Kemerosotan kutipan kharaj pada masa pemerintahan Bani ‘Abbāsiyyah telah mendorong Khalifah Hārūn al-Rāshīd membuat pembaharuan khasnya dalam aspek pelaksanaannya secara teknikal. Kaedah taksiran secara *kharāj al-wazīfah* telah digantikan dengan kaedah taksiran baru yang dikenali sebagai *kharāj al-muqāsamah* (خراج المقاسمة) yang telah berjaya meningkatkan kutipan cukai tersebut.

Pelaksanaan kharaj di zaman pemerintahan Islam yang lampau telah berjaya menepati konsep dan mencapai matlamatnya iaitu memastikan generasi umat Islam yang terkemudian mempunyai tapak untuk kegiatan pertanian mereka, meringankan

bebanan cukai ke atas orang bukan Islam dan pada masa yang sama menambahkan sumber kewangan negara.

Latar Belakang Masalah

Tajuk yang dibincangkan oleh penulis dalam penyelidikan ini ialah “**Kharaj: Konsep Dan Kewajaran Pelaksanaannya Di Negeri Terengganu**”.

Penyelidikan tentang konsep kharaj menjadi tumpuan penulis justeru kharaj pernah menjadi salah satu sumber pendapatan Baitul Mal semenjak ianya diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb. Ketika memperkenalkan kharaj ini ‘Umar menjelaskan bahawa ianya adalah berasaskan *al-maṣlahah al-āmmah* (المصلحة العامة) iaitu sebagai satu mekanisme agar harta yang diperoleh ini tidak dimonopoli oleh sesetengah pihak sahaja, di samping menjadi satu strategi jangka panjang untuk menjamin generasi akan datang dapat mewarisi sebahagian daripada kemakmuran negara.

Sepanjang pelaksanaan kharaj ini negara Islam telah mendapat perolehan yang agak lumayan, contohnya kharaj yang dikenakan oleh Khalifah Hārūn ar-Rasyīd ke atas Kaisar Rom bagi Wilayah Harqalah ialah sebanyak 50,000 dinar setahun.¹

¹ al-Ṭabarī, Abū Ja'afar Muḥammad ibn Jurayr (t.t.), *Tārīkh al-Ṭabarī*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif, jld. 9, h. 10.

Apabila Parti Islam SeMalaysia (PAS) mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Terengganu, kerajaan Negeri Terengganu telah menyatakan pada tahun 1999 yang lalu bahawa ia akan mengenakan kharaj ke atas orang bukan Islam di negeri Terengganu. Kenyataan ini telah mengundang pelbagai reaksi daripada hampir setiap kalangan dan lapisan masyarakat, sama ada daripada orang perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO), parti-parti politik dan juga kalangan ahli akademik. Bila sesuatu isu itu dipolemikkan sudah tentu akan menimbulkan pandangan yang pro dan kontra. Namun, dari pemerhatian penulis, isu ini terlalu dipolitikkan, iaitu pandangan yang dikemukakan lebih bersifat persepsi politik dan ulasan yang diberikan adalah dari perspektif politik pihak-pihak yang berkenaan sahaja.

Kajian ini akan cuba melihat isu ini dari perspektif akademik dengan turut sama merangkumi perspektif sejarahnya, kerana dengan memahami latar belakang yang membawa kepada pelaksanaan kharaj barulah kita akan mendapat tasawwur dan input yang lebih tepat. Begitu juga tentang hukum pelaksanaannya, iaitu, apakah status ataupun tahap tuntutan syariah terhadap pelaksanaannya dalam konteks *al-ahkām al-taklīfiyyah* (الأحكام التكليفية) dan *al-ahkām al-wad'iyyah* (الأحكام الوضعية). Justeru, kajian ini juga akan melihat hukum pelaksanaan kharaj dari perspektif syariah. Selain itu, penulisan ini juga akan melihat kewajaran pelaksanaannya dari perspektif dakwah Islamiyyah dan *maqāṣid al-syari‘ah* (مقاصد الشريعة), kerana teori al-maqāṣid merupakan satu doktrin yang amat penting dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Pandangan yang berdasarkan *maqāṣid al-syari‘ah* ini sangat penting dalam pelaksanaan kharaj khasnya ia melibatkan anggota masyarakat yang bukan Islam.

Kajian ini juga akan turut melihat keabsahan pelaksanaan kharaj dari sudut perundangan iaitu sejauh manakah ianya dibenarkan oleh Perlembagaan Malaysia, Kanun Tanah Negara dan Akta Percukaian Malaysia. Justeru, walaupun hak untuk mengenakan cukai tanah adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri menurut Senarai Negeri (II) tetapi Perkara 4 (1) Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa apa-apa juga undang-undang negeri yang bercanggah dengan undang-undang persekutuan akan terbatal sejauhmana ianya bercanggah.

Hipotesis

Dalam kajian ini penulis dapat merumuskan beberapa perkara yang boleh dianggap sebagai hipotesis kajian, dan penulis akan membuat penyelidikan untuk memastikan apakah hipotesis ini dapat dibuktikan kebenarannya atau sebaliknya.

Secara hipotesisnya, masyarakat membuat tanggapan bahawa pelaksanaan kharaj adalah satu tuntutan syarak yang datang daripada al-Quran ataupun al-Sunnah. Pemerintah mestilah mematuhi ketetapan ini dan melaksanakannya sebagai salah satu penghayatan kepada hukum syarak.

Pelaksanaan kharaj juga satu kemestian kerana ia merupakan mekanisme percukaian yang adil. Selama ini umat Islam dibebankan dengan dua jenis cukai jaitu cukai tanah dan zakat pertanian, sedangkan orang bukan Islam hanya dikenakan cukai tanah sahaja. Pelaksanaan kharaj akan menyebabkan tanggungjawab membayar cukai

lebih seimbang antara masyarakat Islam dan bukan Islam, kerana kharaj ialah cukai pertanian yang dikenakan ke atas orang bukan Islam.

Secara hipotesis juga ada yang berpendapat kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk melaksanakan kharaj kerana menurut perlembagaan negara, urusan mentadbir tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Justeru itu, kemungkinan tiada halangan dari aspek perundangan bagi kerajaan negeri melaksanakan kharaj.

Pengertian Tajuk Dan Rumusan Masalah

Sebelum memasuki perbincangan tajuk ini dengan lebih terperinci, penulis ingin menjelaskan beberapa istilah dan frasa penting yang membina tajuk ini, iaitu “**Kharaj: Konsep Dan Kewajaran Pelaksanaannya Di Negeri Terengganu**”.

Perkataan “**Kharaj**” berasal dari bahasa Byzantine yang bermaksud ufti.² Penggunaan istilah kharaj atau dengan kata jamaknya *akhrijah* (آخرجة) ataupun *akhrāj* (أخرّاج) dalam konteks *al-siyāsah al-syar'iyyah* (السياسة الشرعية) atau kenegaraan Islam adalah merujuk kepada sejenis cukai yang dikenakan ke atas tanah yang ditakluki oleh tentera Islam, sama ada melalui peperangan ataupun melalui perdamaian atau *sulh* (صلح) yang dimeterai dengan pemiliknya.³

² Mahayuddin Hj Yahaya (1999), *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti, h. 262.

³ Qal'ajī dan Qunaybī (1985), *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 194.

Perkataan “**konsep**” pula bermaksud pengertian, tanggapan, gagasan atau idea mengenai sesuatu.⁴ Pengertian atau tanggapan tersebut akan membentuk suatu paradigma pendapat dalam fikiran seseorang.

Manakala “**kewajaran**” pula ialah perihal wajar, yakni sebagaimana yang sepatutnya, sesuatu yang kena pada tempatnya dan dapat dipertahankan sebagai munasabah.⁵ Perkataan “**pelaksanaan**” ialah perihal atau perbuatan melaksanakan.⁶ Justeru, frasa “kewajaran pelaksanaan kharaj” boleh difahami sebagai suatu persoalan apakah melaksanakan kutipan cukai kharaj ini merupakan suatu langkah yang sesuai, munasabah dan kena pada tempatnya.

Negeri Terengganu ialah salah sebuah negeri di dalam Persekutuan Malaysia yang terletak di Pantai Timur semenanjung. Dalam konteks tajuk kajian ini, yang dimaksudkan ialah negeri Terengganu yang diterajui pemerintahannya oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) mulai tahun 1999, justeru kerajaan inilah yang telah mengumumkan untuk melaksanakan kharaj.

⁴ Kamus Dewan Edisi 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 702.

⁵ Ibid., h. 1541.

⁶ Ibid., h. 749.

Penulisan Yang Terdahulu

Pelaksanaan kharaj yang diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dan diikuti oleh pemerintahan Islam yang lain selepasnya telah menyumbang kepada pengkayaan khazanah akademik dunia Islam sejak beberapa alaf yang lalu. Setelah membuat kajian perpustakaan penulis mendapati penulisan tentang kharaj ini telah bermula sejak seawal abad kedua hijrah apabila Abū Yūsuf mengarang kitab *al-Kharāj*. Ini diikuti oleh Abū ‘Ubayd al-Qāsim yang menulis buku juga dengan judul *al-Kharāj*.

Perkembangan kajian dan penulisan tentang kharaj telah melalui beberapa peringkat penulisan. Peringkat awalnya ialah penulisan yang memperkenalkan kharaj sebagai suatu sistem percukaian tanah dalam bentuk yang agak ringkas. Walaupun terdapat ulama yang mengupas tentang kharaj secara perbandingan antara mazhab, namun sesetengahnya hanya membicarakan kharaj dari sudut pandangan mazhab masing-masing sahaja. Penulisan sebegini dapat dilihat melalui buku-buku seperti *Kitāb al-Kharāj* karangan Yaḥyā ibn Ādam, *Mughnī al-Muhtāj* karangan Al-Syaykh Muḥammad al-Syarbīnī al-Khaṭṭīb, *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab* karangan Yaḥyā ibn Syarf al-Nawawī dan *al-Muḥallā* karangan Abū Muḥammad ‘Alī ibn Aḥmad ibn Sa’id ibn Ḥazm al-Zāhirī.

Berbeza dengan pendekatan konseptual yang diambil oleh sebahagian fuqaha melalui buku-buku fiqh *turath*, para ulama usul fiqh (*al-uṣūliyyūn*) pula membicarakan tentang kharaj dari perspektif metodologi perundangan Islam.

Kebanyakan mereka menjadikan kharaj sebagai suatu contoh bagaimana sesuatu hukum itu sabit melalui kaedah ijtihad yang tertentu sama ada al-qiyās, maṣāliḥ al-mursalah ataupun al-jam‘u wa al-tawfiq. Bentuk penulisan ini boleh dilihat dalam buku *al-Mustasfā fī ‘Ilm al-Uṣūl* karangan al-Imām al-Ghazālī, serta *al-Sarkhaṣī* dan *al-Bazdawī* dalam buku Uṣūl al-Fiqh masing-masing. Buku-buku semasa yang mengambil pendekatan yang sama ialah *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* karangan Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān dan *Uṣūl al-Fiqh* oleh Imam Muḥammad Abū Zahrah.

Oleh kerana kharaj berkait rapat dengan aspek kenegaraan Islam, terdapat di kalangan ulama yang memperuntukkan satu bab yang khusus tentang kharaj dalam penulisan mereka tentang sains politik Islam. Antara mereka itu ialah Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dalam bukunya *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*, ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb Al-Māwardī dalam bukunya *Aḥkām al-Sulṭāniyyah* dan Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān dalam bukunya *Aḥkām al-Dhīmiyyīn wa al-Musta’mīn Fi Dār al-Islām*.

Pengarang kontemporari pula membicarakan tentang kharaj secara lebih menyeluruh. Mereka cenderung mempersempahkan kharaj sebagai salah satu mekanisme percuaian negara, tanpa mengabaikan aspek metodologi syariah. Penulisan tentang kharaj menjadi lebih lengkap dengan kupasan yang lebih terperinci tentang konsep kharaj, merangkumi perbandingan antara mazhab-mazhab muktabar dalam beberapa persoalan yang berkaitan, dan juga aspek aplikasinya iaitu bagaimana ia dilaksanakan, seperti persoalan etika dalam pelaksanaannya dan kaedah penetapan kadar kharaj. Penulisan sebegini boleh dilihat menerusi buku *al-Kharāj* oleh Dr. Diā’ al-Dīn al-Rays, *Aḥkām al-Kharāj fī al-Fiqh al-Islāmi* oleh Dr. Muḥammad ‘Uthmān

Syubayr, *Niżām al-Darā'ib fi al-Islām* oleh Dr. ‘Abd al-‘Azīz al-‘Alī al-Na’īm dan *al-Niżām al-Mālī al-Islāmī al-Muqāran* oleh Dr. Badwī ‘Abd al-Laṭīf ‘Iwādī.

Perbincangan tentang kharaj juga terdapat dalam beberapa jurnal akademik. Antaranya, “Percukaian Tanah Menurut Perspektif Islam” yang ditulis oleh Allahyarham Prof. Dato’ Dr. Mahmud Saedon Awang Othman dan Dr. Muhammad Ariffin menerusi Jurnal Syariah yang dikeluarkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kementerian Waqf Kuwait turut memberikan sumbangannya kepada khazanah perbandaraan dan keilmuan Islam dengan menerbitkan artikel tentang kharaj dalam *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* keluarannya. Manakala M. Zehra Nezhad pula menulis artikel bertajuk “*Tribute (Kharaj) as a Tax on Land in Islam*” dalam International Journal of Islamic Financial Services.

Kajian penulis mendapati, walaupun ramai sarjana Islam telah menulis tentang kharaj dalam pelbagai pendekatan, namun penulisan berdasarkan tajuk yang lebih spesifik iaitu aspek kewajaran pelaksanaannya di Negeri Terengganu masih belum dilakukan oleh sesiapa jua. Kajian dari perspektif ini perlu dilakukan justeru ia akan memberi satu pendedahan tentang kewajaran pelaksanaannya dalam konteks sebuah negara moden, dengan sistem perundangan, percukaian dan perlembagaan yang sangat berbeza daripada era yang terdahulu.

Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk memenuhi objektif berikut:

- i. Untuk melihat konsep dan pelaksanaan kharaj di zaman awal Islam.
- ii. Untuk melihat faktor-faktor yang menyebabkan kerajaan Negeri Terengganu ingin melaksanakan kharaj.
- iii. Untuk melihat sejauhmana kewajaran pelaksanaan kharaj di negeri Terengganu dari perspektif pelaksanaan syariah, dakwah Islamiyyah dan *al-Maqasid al-Syari'ah*, dan sejauh mana kewajaran pelaksanaannya dalam konteks sebuah negeri dalam persekutuan Malaysia.

Metodologi Penyelidikan

Di dalam penyelidikan ilmiah ini penulis telah menggunakan beberapa method utama iaitu:

- i. Metod Penentuan Subjek
- ii. Metod Pengumpulan Data
- iii. Metod Analisa Data

Metod Penentuan Subjek

Subjek kajian dalam penulisan ini ialah kewajaran pelaksanaan kharāj di negeri Terengganu. Sehubungan itu, penulis akan mengambil kira kedudukan negeri

Terengganu sebagai sebuah negeri dalam persekutuan Malaysia, tahap kefahaman masyarakat Islam dan bukan Islam tentang kharaj serta persediaan kerajaan negeri terutamanya dari segi penerangan, perundangan dan jentera kerajaan untuk melaksanakan kharaj.

Metod Pengumpulan Data

Pengkajian atau penyelidikan adalah usaha-usaha yang dilakukan melalui pengumpulan data dan penganalisaan terhadap data-data yang telah diperolehi. Sehubungan itu, penulis menggunakan beberapa teknik yang sesuai untuk mengumpulkan data dan seterusnya membuat analisis data seperti teknik mengkaji buku-buku rujukan yang berkaitan dengan kharaj dari segi konsep, sejarah pelaksanaannya dan juga buku-buku semasa yang berkaitan.

Penulis juga telah menggunakan teknik observasi dengan meneliti akta dan enakmen yang berkaitan dengan percukaian Malaysia. Di samping itu juga penulis akan menggunakan teknik kaji selidik dengan mengadakan temubual dan soal selidik terhadap pihak-pihak yang berkenaan. Data-data yang diperolehi akan dianggap sebagai data primer.

Metod Analisa Data

Dalam menganalisa data-data yang diperolehi, penulis telah menggunakan beberapa metod iaitu metod induktif, metod deduktif, metod komparatif dan juga metod historikal:

Metod Induktif (*al-Manhaj al-Istiqrā'i*)

Metod induktif merupakan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus.⁷ Metod ini digunakan bagi menerangkan kesimpulan dalam Bab Keempat. Metod ini juga digunakan bagi mendapatkan kesimpulan-kesimpulan secara khusus berdasarkan setiap masalah yang menjadi objek kajian dan selepas itu barulah dibuat kesimpulan secara umum.

Dalam konteks kajian mengenai kharaj, penulis membuat analisis terhadap beberapa aspek untuk melihat kewajaran pelaksanaan kharaj dalam Bab Ketiga. Setiap faktor boleh berperanan secara bersendirian dalam menentukan kewajaran pelaksanaan kharaj mengikut perspektif masing-masing. Manakala dalam Bab Keempat pula, penulis secara induktif telah membuat satu rumusan secara keseluruhan tentang tajuk kajian ini, iaitu apakah kharaj wajar dilaksanakan di Terengganu atau sebaliknya.

⁷ Ahmad Zakī Badawī (1986), *Mu'jam Muṣṭalaḥah al-Ulūm al-Ijtīmā'iyyah*. Beirut: Maktabah Lubnān, h. 213.

Metod Deduktif (*al-Manhaj al-Istinbāṭī*)

Metod deduktif merupakan proses membuat kesimpulan yang lebih khusus daripada fakta atau maklumat yang ada secara umum. Penemuan atau kesimpulan yang diperolehi melalui metod deduktif ini merupakan perpindahan daripada perkara yang bersifat *al-kullī* kepada yang bersifat *al-juz’ī*, ataupun daripada *al-‘āmm* kepada *al-khāṣṣ*.⁸ Metod ini digunakan di dalam beberapa bahagian tertentu, antaranya:

- i. Latar belakang dan pengertian tajuk
- ii. Senario yang melatari pelaksanaan kharaj seperti dalam Bab Pertama
- iii. Sejarah pelaksanaan dan pentadbiran kharaj serta kesannya seperti dalam Bab Pertama
- iv. Justifikasi kerajaan negeri Terengganu ingin melaksanakan kharaj seperti dalam Bab Kedua
- v. Kajian tentang kewajaran pelaksanaannya dari pelbagai aspek seperti dalam Bab Ketiga
- vi. Kesimpulan dan cadangan seperti dalam Bab Keempat

Metod Komparatif (*al-Manhaj al-Muqāran*)

Metod ini digunakan oleh pengkaji sebagai mekanisme perbandingan antara masyarakat yang berlainan, antara beberapa ras atau etnik dalam sesebuah komuniti, ataupun antara sistem-sistem sosial yang diamalkan. Dalam konteks kajian tentang

⁸ Ibid., h. 99.

pelaksanaan kharaj di negeri Terengganu, metod ini digunakan untuk membuat analisis tentang perkara-perkara berikut:

- i. Kesan pelaksanaan kharaj terhadap peningkatan sumber pendapatan negara Islam serta keharmonian rakyat
- ii. Kaedah pelaksanaan kharaj yang dicadangkan oleh kerajaan Terengganu
- iii. Kesan pelaksanaan kharaj terhadap kesejahteraan negeri dan rakyat Terengganu
- iv. Perbandingan dari segi senario yang melatari pelaksanaan kharaj oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dengan senario semasa di negeri Terengganu
- v. Perbandingan dari segi asas syariah ataupun *masyrū‘iyah* (مشروع عيّة) dalam pelaksanaan kharaj dan ‘usyr
- vi. Membuat perbandingan terhadap pendapat-pendapat sarjana perundangan Islam mengenai kewajaran pelaksanaan kharaj dalam dunia kontemporari
- vii. Membuat perbandingan terhadap pandangan fuqaha’ mengenai jenis-jenis tanah dan kadar kutipan kharaj yang dikenakan
- viii. Membuat perbandingan dari aspek perundangan Persekutuan Malaysia

Metod Historikal (*al-Manhaj al-Tarīkhī*)

Metod historikal merujuk kepada kaedah untuk membina prinsip-prinsip umum sesuatu perkara yang berpandukan kepada kajian dan analisis mengenai peristiwa-

peristiwa yang berlaku dalam sejarah silam.⁹ Melalui pengamatan sejarah ini, pengkaji dapat memahami latar belakang yang membawa kepada sesuatu perubahan.

Sumber Data

Dalam penyelidikan tentang “Kharaj: Konsep Dan Kewajaran Pelaksanaannya Di Negeri Terengganu” ini penulis akan menggunakan perpustakaan sebagai sumber rujukan yang utama, sesuai dengan bentuk kajian yang lebih memberi fokus kepada kajian perpustakaan (*library research*) berbanding kajian lapangan (*field research*). Di antara perpustakaan yang dikenalpasti untuk mendapatkan data-data tersebut ialah:

- i. Perpustakaan Pusat Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan
- iii. Perpustakaan Al-Mukhtar, KUSZA, Terengganu
- iv. Perpustakaan Kolej Teknologi Bestari, Terengganu
- v. Perpustakaan Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur
- vi. Perpustakaan Awam Negeri Terengganu

⁹ Ibid., h. 195.

Susunan Penyelidikan

Penyelidikan mengenai tajuk “**Kharaj: Konsep Dan Kewajaran Pelaksanaannya di Negeri Terengganu**” ini akan dibahagikan kepada empat (4) bab sebagaimana berikut:

PENDAHULUAN

Pengenalan

Latarbelakang masalah

Hipotesis ataupun masalah kajian

Pengertian tajuk dan rumusan masalah

Penulisan yang terdahulu

Objektif kajian

Metodologi penyelidikan

Sumber data

Susunan penyelidikan

BAB PERTAMA: KONSEP KHARAJ DALAM ISLAM

- 1.1 Pendahuluan
- 1.2 Definisi kharaj
- 1.3 Sejarah pelaksanaan kharaj
- 1.4 Objektif pelaksanaan kharaj dari perspektif *al-maqāṣid*
- 1.5 Perbandingan antara kharaj dan *jizyah*
- 1.6 Perbandingan antara kharaj dan ‘*usyr*’

- 1.7 Kategori tanah menurut syariah
 - 1.7.1 Tanah '*usyr*
 - 1.7.2 Tanah kharaj
 - 1.7.3 Realiti semasa: Dimanakah tanah kharaj sekarang?
↳
- 1.8 Jenis-jenis kharaj
 - 1.8.1 *Kharāj al-Wazīfah*
 - 1.8.2 *Kharāj al-Muqāsamah*
- 1.9 Masalah jika berhimpun kharaj dan '*usyr*

BAB KEDUA: CADANGAN PELAKSANAAN KHARAJ DI NEGERI TERENGGANU

- 2.1 Terengganu: Sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia
- 2.2 Latar geografi dan demografi Terengganu
- 2.3 Agama dan penganutnya di negeri Terengganu
- 2.4 Peralihan kuasa dan cadangan pelaksanaan kharaj
- 2.5 Reaksi awal masyarakat bukan Islam
- 2.6 Prosedur tanah mengikut Kanun Tanah Negara

BAB KETIGA: KEWAJARAN PELAKSANAAN KHARAJ DI NEGERI TERENGGANU

- 3.1 Analisis dari perspektif hukum dan keutamaan pelaksanaannya
- 3.2 Analisis dari perspektif sejarah dan sosio-politik
- 3.3 Analisis dari perspektif perundangan
- 3.4 Analisis dari perspektif percukaian Malaysia

- 3.5 Analisis dari perspektif kapasiti pengurusan kerajaan Terengganu
- 3.6 Kharaj ke atas pertanian di atas tanah haram dan tanah TOL

BAB KEEMPAT: PENUTUP

- 4.1 Rumusan
- 4.2 Cadangan